

# Najib henti khidmat Muhammad Shafee

## Bekas PM lantik Hisyam untuk wakili dalam rayuan akhir

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak memberhentikan khidmat peguam utamanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan firma guaman Tetuan Shafee & Co daripada mewakilinya dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik syarikat pelaburan strategik negara, SRC International Sdn Bhd.

Bekas Perdana Menteri itu kemudian mengemukakan melantik peguam jenayah, Hisyam Teh Poh Teik untuk mengetuai pasukan pembelaannya kurang tiga minggu sebelum Mahkamah Persekutuan dijadualkan mendengar rayuan akhirnya selama 10 hari bermula 15 Ogos ini.

Ahli Parlimen Pekan itu turut memberhentikan khidmat barisan peguam daripada firma berkenaan yang mewakilinya dalam kes SRC International sejak pertama kali dituduh pada 4 Julai 2018 di Mahkamah Tinggi berkuasa kelmarin dan melantik firma guaman Tetuan Zaid Ibrahim Suffian TH Liew & Partners (ZIST) sebagai peguam cara baharu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Tetuan Shafee & Co melalui sepucuk surat Pemakluman Perberhentian Kaunsel dan Peguam Cara kepada pejabat Timbalan

Pendaftar Mahkamah Persekutuan, semalam.

Melalui surat itu, Tetuan Shafee & Co menyatakan, firma itu menerima surat daripada Najib pada jam 5 petang kelmarin yang memaklumkan penamatan khidmat Muhammad Shafee dan kaunsel (peguam) lain daripada firma berkenaan dengan serta merta.

Firma guaman itu berkata, Najib juga memaklumkan beliau sudah melantik Tetuan Zaid Ibrahim Suffian TH Liew & Partners (ZIST) sebagai peguam cara baharu.

“Sehubungan dengan itu, kami sedang berusaha melengkapkan proses penyerahan dokumen secara fizikal dan digital kepada ZIST yang dijangka dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada hari ini,” menurut surat itu.

### ZIST sahkan pelantikan

Sementara itu, ZIST turut mengesahkan pelantikan berkenaan melalui surat pemakluman kepada Pejabat Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, semalam, dengan memohon supaya penukaran peguam cara dan kaunsel direkodkan.

“Selaras penukaran ini, kami juga memohon mahkamah menetapkan tarikh sebutan dan penguasaan baharu dengan segera mengikut penyelesaian mahkamah bagi membolehkan kaunsel mengemukakan maklumat terkini dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada mahkamah.

“Oleh kerana pengurusan kes

ditetapkan pada 29 Julai ini dan rayuan akhir pada 15 hingga 26 Ogos ini, kami berharap ia boleh diuruskan dengan segera bagi membolehkan pihak mendapatkan arahan yang diperlukan daripada mahkamah,” kata surat itu.

Menurut surat pemakluman berkenaan, Hisyam Teh daripada Tetuan Hisyam Teh akan bertindak sebagai peguam utama, manakala Liew Teik Huat dan Rueben Mathiaravaman daripada ZIST sebagai peguam bersama.

Hisyam adalah peguam mewakili Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang sedang membela diri terhadap 47 pertuduhan membabitkan 12 pertuduhan pecah amanah, lapan tuduhan rasuah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah jutaan ringgit milik Yayasan Akalbudi di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Susulan perubahan dalam barisan peguam pembelaan, Najib turut memohon untuk menangguhkan pendengaran rayuan akhir kes di Mahkamah Persekutuan atas alasan barisan peguam baharu dilantik mengambil alih kes rayuan berkenaan.

Pada 21 Julai lalu, Mahkamah Tinggi menolak permohonan *Queen's Counsel* (QC) atau Peguam Diraja dari United Kingdom, Jonathan Laidlaw untuk mewakili Najib dalam rayuan akhir kes berkenaan.

Pada 25 Januari lalu, Najib melalui Muhammad Shafee da-



Muhammad Shafee



Hisyam (tengah) akan menjadi peguam utama pasukan pembelaan Najib dalam rayuan akhir kes SRC International. (Foto fail NSTP)

lam sepucuk surat dialamatkan kepada Setiausaha Ketua Hakim Negara memohon supaya Najib dibenarkan untuk diwakili seorang QC.

Permohonan itu dibuat atas alasan QC mempunyai kepakaran untuk menasihati dan berpengalaman mengendalikan rayuan akhir yang sangat kompleks dan membabitkan isu serta persoalan perundangan baharu bukan sahaja dalam bidang kuasa negara ini, malah di negara Komanwel.

### Najib dihukum penjara

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International.

Mohd Nazlan memerintahkan Najib dijatuhi hukuman penjara 10 tahun masing-masing bagi tiga tuduhan pecah amanah; penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atau tambahan lima tahun penjara jika gagal membayarnya kepada Ahli Parlimen Pekan itu bagi satu tuduhan menyalahgunakan kedudukan.

Bagaimanapun, beliau hanya

perlu menjalani hukuman penjara 12 tahun selepas hakim memerintahkan semua hukuman penjara berjalan serentak.

Pada 8 Disember tahun lalu, Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan salah serta hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta dikenakan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Julai 2020.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, sebulat suara membuat keputusan itu selepas mendapati Mahkamah Tinggi membuat keputusan yang betul dan tidak terkhilaf apabila menasihatkan Najib terhadap semua tuduhan berkenaan.

Mahkamah Rayuan mendapati Najib diberikan kuasa istimewa dalam SRC kerana peranannya sebagai Perdana Menteri ketika itu.

Najib dalam pembelaannya mendakwa tindakannya adalah bagi kepentingan nasional dan kini merayu keputusan Mahkamah Rayuan itu.

Mei lalu, Mahkamah Persekutuan menetapkan 10 hari, iaitu 15 hingga 19 Ogos dan 22 hingga 26 Ogos bagi prosiding pendengaran rayuan Najib.